

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.11.2017

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jumlah hutang negara yang terkini dan apakah nisbahnya kepada "GDP" negara; dan
- (b) kali terakhir Malaysia membayar hutang pokok dan jumlahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2017 adalah sebanyak RM685.1 bilion atau 50.9% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.7% atau RM662.4 bilion adalah hutang domestik (49.2% daripada KDNK),

sementara 3.3% lagi atau RM22.7 bilion (1.7% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman kasar tahunan dengan mengambil kira keperluan untuk membayar balik hutang yang matang iaitu bayaran pokok serta membiayai defisit. Bagi tahun 2017, pinjaman kasar adalah berjumlah RM108 bilion, di mana jumlah bayaran balik pokok adalah RM67.2 bilion dan pinjaman bagi membiayai defisit adalah RM39.9 bilion. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa bayaran pokok dan faedah dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Sehingga kini, Kerajaan **tidak pernah** gagal dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan.